

REPORT OF THE PROCEEDINGS
OF THE SECOND LEGISLATIVE
ASSEMBLY, PENANG

I ST SITTING OF THE
THIRD SESSION FRIDAY
24 TH JUNE, 1966

KPP
328.595123
PEN



99169



24TH JUNE, 1966.

PRESENT:

The Hon'ble Mr. Speaker (Tuan Haji Sulaiman bin Haji Ahmad, P.J.K.)
" the Chief Minister (Tan Sri Wong Pow Nee, P.M.N.)
" the Member for Glugor (Enche Aziz Ibrahim, J.M.N., J.P.)
" the Member for Muda (Tuan Haji Ismail bin Che Chik, A.M.N., J.P.)
" the Member for Permatang Pauh (Enche Ariffin bin Shariff, P.J.K.)
" the Member for Kelawei (Mr. Tan Khim Hoe, P.J.K.)
" the Member for Dhoby Ghaut (Enche M. S. A. Zachariah)
" the Member for Tanjong Bungah (Mr. Cheah Seng Khim, J.P.)
" the Member for Kepala Batas (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, A.M.N.)
" the Member for Nibong Tebal (Tuan Haji Sahid bin Hassan, P.J.K.)
" the Member for Balik Pulau (Tuan Haji Ahmad bin Mohamed Taib)
" the Member for Tasek Glugor (Enche Ahmad bin Haji Jamil)
" the Member for Butterworth (Mr. Williams David)
" the Member for Bayan Lepas (Enche Ismail bin Hashim)
" the Member for Tanjong Barat (Mr. Teh Ewe Lim)
" the Member for Tanjong Tengah (Mr. Teh Geok Kooi)
" the Member for Tanjong Utara (Mr. Khoo Kay Por)
" the Member for Ayer Itam (Mr. Lim Kean Siew)
" the Member for Tanjong Selatan (Mr. Khor Peng Seah)
" the Member for Jelutong (Mr. Tan Hock Hin)

ABSENT:

The Hon'ble the Legal Adviser (Enche Ibrahim bin Abdul Manan)
" the Member for Sungei Bakap (Mr. Kee Yong Chin, J.P.)
" the Member for Sungei Pinang (Mr. D. S. Ramanathan, J.P.)
" the Member for Bagan Ajam (Mr. Phee Joo Teik, P.J.K.)
" the Member for Kota (Dr. Lim Chong Eu)

The Assembly resumes
at 10.00 a.m.

(C) Motion by the Hon'ble the
Chief Minister.

Chief Minister: Tuan Speaker,
saya mohon menchadangkan —

"Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sa-banyak \$3,091,500 yang di-tunjokkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Pertama Tahun 1966, yang telah di-bentangkan di-atas meja sa-bagai Risalat Bil. 8 tahun 1966, Majlis Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, dan mengambil ketetapan bahawa jumlah wang yang tersebut akan digunakan untuk tujuan yang telah di-tentukan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan yang Pertama, Tahun 1966 yang tersebut."

Tuan Speaker akan dapat melihat daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Yang Pertama, Tahun 1966 bahawa kesemua jumlah wang ini ada-lah di-khaskan untuk satu Kepala di-dalam Anggaran Pembangunan itu — ia-itu Kepala 101, Ketua Menteri dan Pejabat Setia Usaha Negeri.

Wang sebanyak \$466,500 ada-lah di-kehendaki untuk Pechahan Kepala 1, Pengambilan Tanah. Di-sebabkan oleh kekurangan Tanah Kerajaan Negeri yang sesuai maka ada-lah di-anggap perlu di-ambil lagi tanah untuk pelaksanaan ranchangusaha2 pembangunan. Bukanlah hajat saya untuk memberi butir2 mengenai tanah2 mana akan di-ambil kerana ini akan membangkitkan 'speculation' pula.

Pechahan Kepala 11, Ranchangan Perumahan Murah, mendapat peruntukan tambahan sebanyak \$1,850,000. Ini akan membolehkan Kerajaan menialankan satu Ranchangan yang besar di-Butterworth dalam mana rumah2 akan di-

tawarkan kepada orang2 yang terlibat dalam usaha memperbaiki dan memperbesarkan Jalan Chain Ferry. Rujukan kepada ranchangan ini telah di-buat dalam Uchapan Tuan Yang Terutama Gabenor dua hari sudah. Wang sebanyak \$1.5 juta daripada perbelanjaan ini ada-lah pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Saya suka mengambil peluang ini untuk meng-ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah ber-setuju memberi pinjaman ini.

Untuk Pechahan Kepala 12, Pembangunan Perusahaan, tambahan sebanyak \$500,000 di-berikan. Permintaan2 untuk mendapatkan tapak2 kilang di-Kawasan Perusahaan Mak Mandin makin bertambah dan jumlah wang tambahan yang di-untukkan dalam Anggaran Pembangunan yang Pertama ini akan membolehkan usaha2 pembangunan di-Kawasan Perusahaan Mak Mandin pada bahagian yang di-sebelah kiri Sungai Mak Mandin di-laksanakan. Salah satu daripada kilang2 yang akan di-bena di-situ ia-lah sa-buah syarikat kain yang besar yang di-jangka akan menggunakan di-antara 30 hingga 40 ekar tanah dan memberi pekerjaan kepada lebih kurang 700 orang.

Pechahan Kepala 28, Tapak untuk Universiti, memerlukan tambahan sebanyak \$175,000. Kerajaan telah pun mendapatkan satu tapak seluas 580 ekar dengan harga lebih daripada \$1.5 juta untuk Maktab Universiti itu. Ada-lah di-anggap bahawa tanah yang telah di-dapati itu tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan2 jangka panjang Universiti itu. Oleh sebab itu, pada masa yang ke hadapan ini terpaksa-lah di-ambil lagi tanah. Peruntukan sebanyak \$175,000 itu ia-lah untuk membolehkan sa-bahagian daripada belanja mengambil tanah yang di-kehendaki lagi itu.

Satu pechahan kepala baru, Bil. 33, Pembinaan Gerai2 di-Tanjong Tokong, memerlukan tambahan sebanyak \$55,000. Peruntukan ini akan membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan satu rancangan khas membantu orang2 Melayu untuk mengambil bahagian dalam perniagaan dan perusahaan. Adalah di-chadangkan untuk membena 30 buah gerai makanan di-Tanjong Tokong bagi kegunaan peniaga2 Melayu dalam Negeri ini. Kita berharap mereka akan mengambil kesempatan dari kemudahan ini serta bergerak maju dalam lapangan2 iktisad dan perniagaan.

Peruntukan pada satu lagi pechahan kepala baru, Bil. 34, dikehendaki untuk memberi bantuan kepada Majlis Bandar Raya George Town untuk membena trek bitumen mengelilingi padang di-dalam Stadium Bandar Raya seperti yang di-Stadium Merdeka Kuala Lumpur. Pembinaan trek bitumen ini di-anggap perlu kerana rekod2 sokan yang di-buat atau di-dapati di-atas rumput tidak lagi di-iktiraf di-perengkat antara bangsa. Perbelanjaan ini akan juga menjadikan Stadium Bandar Raya itu sebagai satu tempat yang sesuai di-adakan acara2 sokan kebangsaan dan antara bangsa. Saya sangat sukachita bahawa acara pertama dalam acara2 seperti itu, ia-itu Kejohanan Sokan Amateur Malaysia Yang Ketiga, di-jangka akan di-langsungkan di-Stadium itu dalam bulan Ogos 1966, selepas sahaja trek bitumen itu siap nanti. Perbelanjaan ini boleh-lah di-anggap sebagai sa-bahagian daripada charum Kerajaan Negeri ka-hala menggalakkan kegiatan2 sokan di-Negeri ini.

Tuan Speaker, saya mohon men-chadangkan.

Member for Tasek Glugor (Enche Ahmad bin Haji Jamil): Tuan

Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Question put and agreed to.

(D) Motion by the Hon'ble Enche Ismail bin Hashim.

Member for Bayan Lepas (Enche Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, saya bangun men-chadangkan Usul di-bawah nama saya sendiri.

Mengikut Peratoran Majlis Meshuarat 109A, ada-lah perlu bagi Dewan ini melantek satu Jawatan-kuasa Kira2 Awam bagi tiap2 Penggal untuk memeriksa kira2 tahunan Negeri Pulau Pinang yang telah di-odit dan, jika perlu kira2 dan perkara2 lain yang di-tentukan dalam Peratoran Majlis Meshuarat yang tersebut.

Kira2 tahunan Negeri Pulau Pinang yang telah di-odit bagi tahun 1964 dan Laporan Juru Odit Negara di-atas-nya telah di-bentangkan di-atas meja sebagai Risalat2 Bil. 15 dan 16 tahun 1965 dalam persidangan akhir Dewan pada 24hb. November, 1965. Sekarang kira2 ini boleh di-periksa oleh Jawatan-kuasa Kira2 Awam tersebut. Dengan itu ada-lah di-chadangkan supaya peluang ini di-ambil untuk melantek Jawatan-kuasa itu supaya ia boleh menjalankan tugas2-nya yang mustahak itu — ia-itu memeriksa kira2 ini untuk memastikan yang wang 'awam di-belanjakan bagi tujuan yang di-khaskan dan juga untuk menentukan setiap langkah berjimat2 di-ambil oleh jabatan2 Kerajaan.

Jawatan-kuasa yang telah di-lantek untuk Penggal yang sudah yang di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Enche Williams David telah menjalankan tugas-nya dengan chekap dan memuaskan dan saya chadangkan supaya mereka

di-lantek semula untuk sa-Penggal lagi. Saya perchaya pengalaman mereka ada-lah sangat2 berharga.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menguchapkan terima kaseh kepada Pengerusi dan ahli2 Jawatan-kuasa itu kerana perkhidmatan2 mereka yang sudah2.

Tuan Speaker, saya mohon men-chadangkan —

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan melantek Ahli2 yang berikut ini menjadi Ahli2 Jawatan-kuasa Kira2 Awam bagi Penggal yang Ketiga Majlis Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua, ia-itu untuk memeriksa kira2 dan laporan2 seperti yang di-tetapkan di-bawah Peratoran Majlis Meshuarat 109 A(1) sa-terus-nya membuat laporan2 kepada Dewan ini mengenai kira2 dan laporan2 tersebut sa-bagaimana di-fikirkan manasabah oleh Jawatan-kuasa:—

- (1) Y.B. Enche Williams David (Pengerusi)
- (2) Y.B. Enche Phee Joo Teik, P.J.K.
- (3) Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Mohamed Taib.
- (4) Y.B. Enche Khoo Kay Por.

dengan Pengerusi dan dua orang Ahli menchukupi menjadi koram bagi menjalankan meshuarat."

Sekian, terima kaseh.

Member for Kepala Batas (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah):

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put and agreed to.

7. ADJOURNMENT.

Chief Minister: Tuan Speaker, saya men-chadangkan Dewan ini di-tanggohkan sekarang.

Member for Kepala Batas (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Member for Tanjong Tengah (Mr. Teh Geok Kooi): Tuan Speaker, hari ini saya hendak memberi dua pendapat, di-harap pendapat2 saya ini dapat di-per-timbangkan. Soalan ini memang kechil tetapi sangat wajib dan penting.

Yang pertama, kita tahu bahawa konfrantasi telah di-berhenti, dan juga Kerajaan kita telah meluluskan persetujuan di-perundingan di-Bangkok, akan tetapi perkara untuk berniaga semula dengan Indonesia maseh ada banyak halangan teknik. Sebelum konfrantasi, perniagaan Pulau Pinang dengan Indonesia, pada setiap tahun, kata-nya agak2 satu ratus juta ringgit. Bilangan wang ini bukan kechil. Baharu2 ini, ada laporan dalam surat khabar me-ngatakan bahawa ada banyak perniaga telah pergi ka-Hongkong berunding dengan peniaga Indonesia, sa-telah persetujuan di-Bangkok di-umumkan. Sebab ini, saya berpendapat bahawa Kerajaan Pulau Pinang wajib-lah membentukkan satu jawatan kuasa kechil untuk membantu-nya. Bantuan dan pertolongan ini mesti-lah di-jalankan dengan seberapa cepat.

Konfrantasi di-adakan selama tiga tahun, maka jadi-lah satu kerugian yang sangat besar kepada peniaga. Dan juga kalau perniagaan di-adakan semula maka ini ada-lah menolong dalam lapangan perniagaan dan juga kehidupan, terutama sekali kepada pekerja2 di-pelabohan Pulau Pinang.

Yang kedua, sa-bahagian gulungan orang yang di-katakan jahat yang tak di-benarkan oleh undang2, sekira-nya jika mereka di-buang ka-lain tempat, mereka akan bertemu dengan banyak kesusahan. Mereka ingin bekerja untuk menchari makan, akan tetapi mereka tidak ada berpeluang, selain daripada mereka tidak wang, tidak kenal sa-siapa, semua orang tahu ia orang jahat maka takut-lah akan-nya tidak berani berdekatan dengan-nya. Sebab kekurangan wang, sebab kelaparan dan sebab kechachian orang, mereka ingin jadi sa-orang baik semula pun tidak ada peluang langsung. Maka mereka pun buat-lah kejahatan. Kerajaan membuang mereka bertujuan hendak memperbaiki mereka tetapi oleh sebab faktor2 yang tersebut tadi mereka pun jadi-lah jahat. Polisi pemisahan ini tidak berhasil langsung. Jadi, saya berharap Kerajaan menolong-lah mereka menchari pekerjaan, beri-lah peluang kapada mereka supaya boleh jadi orang baik. Sebab ini-lah saya meminta Kerajaan membentokkan satu jawatan kuasa kechil untuk mengator masa'alah yang sangat sakitkan kepala orang.

Tuan Speaker, saya harap Kerajaan ini-lah yang betul2 ada mengambil berat atas kesusahan kehidupan anak2-nya. Terima kaseh.

Chief Minister: Tuan Speaker, saya suka hendak menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tanjong Tengah kerana telah menunjukkan minat dalam hal penyelenggaraan perdagangan di antara Malaysia dan Indonesia dan juga kerana telah mengambil berat tentang hal kebijakan peniaga2 di Pulau Pinang yang telah mengalami kerugian di-sebabkan oleh konfrantasi yang di-lancharkan

oleh Indonesia itu. Kita chukup sedar bahawa perdagangan memainkan suatu peranan yang penting untuk memperbaiki ekonomi dan mendatangkan kema'amoran, bukan sahaja kapada peniaga2 itu sendiri tetapi juga kapada semua ra'ayat di-seluruh negeri ini. Kita juga mengaku bahawa Kerajaan patut juga-lah memberi pertolongan2 yang di-perlukan oleh peniaga2 supaya dapat mereka menjalankan perniagaan2 mereka yang halal itu. Walau bagaimana pun, kita mesti-lah ingat bahawa perdagangan ia-lah suatu perkara di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, dan bahawa sa-buah jawatan kuasa telah pun di-lantek oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, ia-itu Jawatan-kuasa Perdagangan Entrepot Pulau Pinang, untuk mengkaji kedudukan perdagangan entrepot Pulau Pinang dari masa ka-semasa dari segi perdagangan dengan Negeri Thai, Burma dan Indonesia dan menolong peniaga2 menyelesaikan sebarang masa'alah yang mereka hadapi berhubung dengan perdagangan entrepot dengan negeri2 jiran ini. Jawatan-kuasa ini telah pun menjalankan tugas-nya sejak belum berlaku-nya konfrantasi lagi, dan telah memberi perkhidmatan yang berharga kapada pedagang2 dan juga kapada Kerajaan dalam usaha-nya hendak memajukan lagi perdagangan entrepot Negeri Pulau Pinang. Jawatan-kuasa ini di-pengerusikan oleh Pegawai Ekonomi dan ahli2-nya adalah terdiri dari wakil2 daripada Persatuan Peniaga2 Acheh. Pulau Pinang; Persatuan Impot dan Ekspot; Dewan Perniagaan Negeri2 Tanah Melayu Chawangan Pulau Pinang; Dewan Perniagaan China; Dewan Perniagaan Melayu; Dewan Perniagaan India; Persatuan Perdagangan Getah; Pertukaran Kelapa Salai Pulau Pinang; Persatuan Bank Malaysia; Persatuan Saudagar2 Beras; Penolong Pegawai Kanan Kastam (Utara); Pe-

gawai Kawalan Impot dan Ekspot, Pulau Pinang dan Pengawal Pertukaran Luar Negeri. Dewan Perniagaan Indonesia juga di-wakili dalam Jawatan-kuasa ini; sehingga-lah konfrantasi bermula. Saya tidak ragu2 bahawa se-baik2 sahaja perhubungan di-antara negara kita dan Indonesia puleh seperti sedia kala, Kementerian yang berkenaan akan menjemput Dewan Perniagaan Indonesia supaya menchalunkan semula sa-orang wakil-nya ka-Jawatan-kuasa ini. Dan saya perchaya tentu sekali wakil-

nya itu akan memberikan perkhidmatan yang berharga kapada Jawatan-kuasa ini.

Dengan hal yang demikian, saya berpendapat masa-nya belum sesuai bagi melantek satu Jawatan-kuasa sebagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

The Assembly adjourns
at 10.24 a.m.



